

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Amalan menukar kod ujaran dari satu bahasa kepada satu bahasa yang lain ketika berinteraksi sesama diri adalah suatu fenomena linguistik yang lumrah berlaku di sekeliling kita, khasnya di kalangan penutur yang fasih dalam dua atau lebih bahasa. Amalan ini dilakukan oleh penutur dengan andaian bahawa pendengar, sepertimana dirinya dapat faham dan fasih dalam kedua-dua bahasa yang digunakan itu. Fenomena ini boleh berlaku dalam kumpulan etnik yang sama atau antara kumpulan etnik yang berlainan. Ia berlaku di seluruh dunia (Noor Aina Dani, 1999: 196). Oleh itu, fenomena linguistik ini bolehlah dianggap sebagai suatu ciri sejagat masyarakat pelbagai bahasa.

Di Malaysia amalan menukar kod di antara suatu bahasa dengan bahasa lain juga biasa berlaku di kalangan penduduk berbilang bahasa. Umpamanya di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris ataupun dengan bahasa Tamil, Mandarin, Hokkien, Kantonis, Haka dan sebagainya (Chin, 1993: 2). Hal ini dimungkinkan oleh latar belakang masyarakat Malaysia yang pelbagai etnik dan sistem pendidikan yang menggalakkan pertumbuhan lebih daripada satu bahasa. Lantaran itu, adalah biasa bagi sesetengah orang terdengar pola ujaran seperti berikut:

“Engineer itu banyak bidang. Civil engineering, mechanical engineering, computer engineering and all sorts of engineering. Jadi, Sham nak jadi what type of engineer?”

(Jacobson, 1995: 402)

Di kalangan masyarakat Iban amalan menukar kod juga tidak terkecuali, lebih-lebih lagi di kalangan pelajar sekolah dan penuntut institusi pengajian tinggi. Di luar bilik darjah, mereka begitu biasa bertutur dalam dua atau lebih bahasa secara berselang atau mencampurkan bahasa mereka ketika berinteraksi sesama diri. Di antara penukaran kod yang paling lumrah di kalangan mereka ialah di antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau dengan bahasa Melayu Sarawak.

1.2 Penyataan Masalah

Penukaran kod merupakan suatu fenomena bahasa yang menjadi pilihan sendiri. Sebagai salah satu strategi komunikasi, seseorang penutur berbilang bahasa sering menggunakan dua atau lebih bahasa dalam ujarannya yang sama. Perbuatan penutur menukar kod secara berselang atau mencampurkan penggunaan beberapa bahasa untuk menyampaikan mesejnya telah dianggap sebagai menyimpang daripada norma linguistik sesuatu bahasa. Ekorannya, ada orang terutamanya golongan bukan ahli bahasa atau ahli sosiolinguistik melihat penukaran kod sebagai tanda pencemaran atau kemusnahan bahasa serta mengundang berbagai-bagai komen negatif. Umpamanya di kalangan masyarakat Amerika yang berketurunan Mexico, golongan penutur yang menukar kod di antara bahasa Sepanyol dan Inggeris dilabel sebagai *Tex Mex*. Panggilan *Joual* pula dilemparkan kepada golongan penutur di Kanada yang mencampurkan penggunaan bahasa Perancis dengan bahasa Inggeris (Holmes, 2001: 45).

Sesungguhnya, salah tanggapan ini berpunca daripada kejahilan seseorang yang tidak mengetahui sekurang-kurangnya satu daripada sistem bahasa yang terlibat (Appel dan Muysken, 1987: 117). Namun bagi kumpulan pengkaji berbilang bahasa,

fenomena penukaran kod ini dipandang sebagai suatu fenomena bahasa yang bersifat positif. Oleh itu, fenomena ini sering dikaitkan dengan fungsi-fungsi sosialnya. Di antaranya ialah untuk memperkuatkan solidariti, sikap dan rasa hormat sosial (Berthold, Mangubhai dan Bartorowicz, 1997). Dalam perkataan lain, penukaran kod haruslah dianggap sebagai suatu kelebihan berbahasa seseorang yang memungkinkannya menyatakan sesuatu mesej dengan cara yang lebih dramatik atau berkesan, sama seperti sesetengah orang yang menggunakan tanda *bold* atau garisan untuk menekankan makna sesuatu teks.

Sikap negatif terhadap penukaran kod juga turut terasa di Malaysia. Sesetengah orang bimbang ia akan mencemarkan “ketulenan” sesuatu bahasa yang terlibat (Wong, 1991). Di kalangan guru, mereka melahirkan rasa tidak puas hati apabila anak-anak didik mereka mencampurkan bahasa. Bagi ibu bapa, umpamanya ibu bapa pelajar Iban, mereka sering mengadu bahawa bahasa yang dituturkan oleh anak-anak mereka sudah bercampur-campur. Pendek kata, sesetengah masyarakat di Malaysia telah memandang serong terhadap penukaran kod sebagai suatu tingkah laku bahasa yang kurang wajar (Chin, 1993: 3) dan ia mencerminkan penguasaan bahasa seseorang yang belum sempurna lagi.

Walau apapun pandangan negatif sesetengah orang terhadap tingkah laku penukaran kod, fenomena linguistik ini kemungkinan akan kekal di kalangan penutur berbilang bahasa di Malaysia. Ini adalah kerana sifat masyarakat negara ini yang berbagai-bagai kaum, budaya dan bahasa. Beberapa kajian telah menunjukkan bahawa penukaran kod adalah sebahagian daripada cara hidup masyarakat pelbagai bahasa di negara ini (Asmah, 1982; Kamwangamalu, 1989). Penukaran kod akan terus wujud

sebagai salah satu daripada pilihan strategi berbahasa seseorang, terutamanya di kalangan penduduk berbilang bahasa. Hakikat ini diperkuatkan lagi dengan adanya sistem pendidikan kebangsaan yang mengutamakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua di samping penggunaan bahasa Melayu (bahasa Malaysia) sebagai bahasa pengantar dan pengajaran bahasa-bahasa ibunda di sekolah-sekolah kebangsaan. Akibat sistem pendidikan sebegini rupa, maka lahirlah pelajar Malaysia yang bukan sahaja dapat menguasai dua bahasa, malahan lebih daripada itu. Hakikat ini berlaku di kalangan pelajar Iban apabila ramai di antara mereka yang dapat berinteraksi dalam lebih daripada dua bahasa, iaitu selain daripada bahasa ibunda dan bahasa Melayu.

Oleh itu, adalah penting untuk kita membetulkan tanggapan sesetengah masyarakat di negara ini terhadap penukaran kod kerana fenomena linguistik itu adalah hasil daripada proses sistem pendidikan kebangsaan. Jika matlamat negara yang ingin melahirkan bangsa Malaysia yang fasih dalam beberapa bahasa, terutamanya bahasa Melayu (bahasa Malaysia) dan bahasa Inggeris di samping bahasa-bahasa lain hendak dijadikan kenyataan, maka amalan penukaran kod perlu difahami dengan lebih mendalam dari segala aspek supaya pandangan negatif terhadapnya boleh dibetulkan atau setidak-tidaknya dikurangkan.

1.3 Rasional Kajian

Semenjak tahun 1970-an, fenomena penukaran kod telah banyak menarik minat para pengkaji. Bagi ahli sosiolinguistik, mereka ingin mencari jawapan kepada persoalan mengapa pengguna bahasa menukar kod antara dua atau lebih bahasa dalam suatu ujaran yang sama. Ahli psikolinguistik pula berminat untuk mengetahui apakah

aspek bahasa yang memungkinkan seseorang itu menukar kod. Sementara itu, ahli bahasa ingin mengkaji apakah seseorang itu benar-benar melakukan penukaran kod atau semata-mata ingin memperkenalkan sesuatu unsur baharu daripada bahasa lain ke dalam ujarannya. Malahan penukaran kod ini telah pun diterima sebagai suatu paradigma untuk membuat kajian tentang bilingualisme (Chin, 1993: 4).

Tingkah laku menukar kod di dalam sesebuah ujaran yang sama dipercayai berkaitan dengan beberapa faktor sosio-budaya seperti topik perbualan, konteks sosial dan sikap penutur. Faktor tersebut dapat dikenal pasti atas andaian bahawa penukaran kod dapat dianalisis berdasarkan sesuatu peristiwa sosial, urutan interaksi atau sesuatu peristiwa bahasa. Mengikut Gumperz (1972: 190), sesuatu peristiwa bahasa berhubung rapat dengan tingkah laku tertentu sesuatu budaya penutur bahasa itu yang kemudiannya menentukan bentuk bahasa yang akan digunakan. Oleh itu, tidak salah untuk kita menyimpulkan bahawa amalan menukar kod bukanlah dilakukan secara rambang atau sesuatu tingkah laku bahasa yang aneh.

Mengikut Wong (1979), terdapat banyak persoalan tentang penukaran kod di kalangan masyarakat dwibahasa atau berbilang bahasa di Malaysia yang telah dikemukakan. Siapakah penukar kod di Malaysia? Di manakah penukaran kod berlaku? Mengapakah orang menukar kod? Bagaimanakah hendak membezakan penukaran kod yang hanya melibatkan satu patah perkataan daripada peminjaman perkataan? Bagaimanakah penukaran kod mendatangkan kesan kepada bahasa yang terlibat? Senarai soalan ini akan berterusan dan menuntut jawapan yang memuaskan bagi setiap satunya. Pengetahuan tentang siapa, di mana, bila, bagaimana dan kenapa seseorang penutur dwibahasa menukar kod adalah penting untuk

membentuk dasar bahasa yang munasabah. Maklumat seumpama ini juga penting untuk perancangan dan pelaksanaan program dwibahasa, terutama sekali dari segi pengajaran bahasa, pembinaan bahan mengajar dan penilaian.

Dalam konteks itu, maka adalah menjadi hasrat penyelidik untuk mengkaji pengaruh faktor sosio-budaya terhadap amalan penukaran kod di kalangan guru pelatih Iban supaya makna dan tujuan penukaran kod tersebut dapat dikenal pasti dari segi pragmatiknya. Mudah-mudahan hasil kajian ini akan dapat menyumbangkan pemahaman dan pengetahuan tentang penukaran kod dari perspektif yang berlainan. Ini adalah kerana belum terdapatnya sebarang kajian penukaran kod yang melibatkan penggunaan bahasa Iban, setahu penyelidik. Oleh itu, segala maklumat yang terhasil melalui kajian ini mungkin boleh dimanfaatkan bagi tujuan perancangan program pengajaran bahasa ibunda di Malaysia, khasnya yang melibatkan pengajaran bahasa Iban di Sarawak.

1.4 Objektif Kajian

Pada dasarnya, kajian ini adalah bertujuan untuk menghuraikan aspek sosiolinguistik fenomena penukaran kod di kalangan penutur Iban yang berkebolehan bertutur dalam sekurang-kurangnya dua bahasa. Kajian ini menjadikan guru pelatih Iban yang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia di Maktab Perguruan Rajang, Sarawak sebagai kes kajian. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:-

- 1.4.1 mengkaji penukaran kod dari segi fungsi perbualan yang berlaku dalam situasi semula jadi;
- 1.4.2 mentafsir makna sosial fungsi perbualan penukaran kod; dan
- 1.4.3 mengetahui faktor yang mendorong penukaran kod.

1.5 Kepentingan Kajian

Pemilihan dan variasi bahasa di kalangan kanak-kanak atau orang dewasa sering menarik minat pengkaji bahasa. Di Malaysia ahli sosiolinguistik cuba memberikan jawapan kepada beberapa persoalan seperti apakah faktor yang mendorong seseorang penutur dwibahasa untuk lebih gemar memilih sesuatu bahasa daripada sesuatu bahasa yang lain, serta apakah sebabnya penutur tersebut sering menukar kod dalam ujarannya. Dalam erti kata lain, apakah bahasa yang digunakan, di mana, bila, dengan siapa dan kenapa bahasa itu digunakan. Sesungguhnya, jawapan kepada persoalan itu adalah amat penting untuk kita lebih memahami pola penggunaan bahasa, khasnya dalam konteks negara ini yang pelbagai kaum dan bahasa.

Kajian ini berhasrat untuk memberikan pemahaman kepada ciri-ciri tingkah laku bahasa di kalangan penutur Iban yang sering menukar bahasa di antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu (Malaysia), bahasa Inggeris, bahasa Melayu Sarawak atau bahasa-bahasa lain semasa mereka bertutur. Kajian ini juga berharap dapat memberikan pemahaman yang lebih baik tentang fenomena penukaran kod yang adakalanya dianggap oleh sesetengah orang sebagai petanda kemusnahan bahasa, aneh, menyimpang, mengelirukan dan bercelaru.

Menurut Gumperz (1972: 30), amalan penukaran kod boleh menampakkan inferensi perbualan (*conversational inferences*) yang penting apabila ia dikaji sebagai suatu fenomena komunikasi, khasnya tentang kekerapan dan amalannya secara berterusan serta ciri-ciri linguistik dan fungsi interaksinya. Lantaran itu, kajian ini memberikan fokus secara mendalam kepada analisis perbualan yang dijalankan dalam keadaan

semula jadi dengan harapan ia akan memberikan beberapa jawapan kepada persoalan tentang pemilihan dan variasi bahasa tersebut.

Selain itu, penukaran kod juga amat penting sebagai suatu kemahiran sosial. Bagi seseorang dwibahasa atau berbilang bahasa, penukaran kod digunakan sebagai suatu strategi komunikasi mengikut fungsi yang berbagai-bagai dan meluas. Sehubungan itu, maka kajian ini cuba untuk menjelaskan perhubungan di antara strategi komunikasi dengan makna-makna sosial dalam konteks masyarakat dwibahasa atau berbilang bahasa di kalangan guru pelatih Iban Maktab Perguruan Rajang. Maka kepentingan kajian ini adalah terletak pada sumbangan serta pemahaman yang lebih mendalam tentang kegunaan penukaran kod dan seterusnya dapat diterima sebagai suatu strategi komunikasi dalam masyarakat pelbagai bahasa dan budaya seperti Malaysia.

1.6 Batasan Kajian

Kajian penukaran kod ini terbatas kepada satu kelompok masyarakat berbilang bahasa orang Iban, iaitu kumpulan guru pelatih Iban yang sedang mengikuti Kursus Diploma Perguruan Malaysia di Maktab Perguruan Rajang, Bintangor, Sarawak. Pengkaji berpendapat bahawa kumpulan guru pelatih tersebut wajar dijadikan kes kajian memandangkan mereka dapat mewakili penutur berbilang bahasa di kalangan orang Iban, khas golongan penuntut atau pelajar di institusi pengajian tinggi seperti di maktab-maktab perguruan. Guru pelatih Iban yang mengikuti kursus lain seperti Kursus Perguruan Lepasan Universiti (KPLI), Kursus-kursus Konversi (*Conversion Courses*), Kursus Dalam Perkhidmatan (KDP) dan kursus-kursus pendek tidak

dipilih sebagai subjek kajian kerana masalah kekangan masa dan keperluan mereka selalu berada di luar kampus maktab untuk menjalani latihan perguruan.

Seperkara lagi ialah kajian ini tidak mengkaji penukaran kod dari aspek penggunaan variasi tinggi dan variasi rendah bahasa yang digunakan (Holmes, 2001: 34-37). Sebaliknya yang menjadi fokus kajian ialah penukaran kod yang melibatkan bahasa Iban sebagai bahasa pertama dan bahasa-bahasa lain sebagai bahasa kedua subjek, seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa tempatan yang terdapat di negeri Sarawak.

1.7 Penukaran Kod

Berdasarkan beberapa kajian sosiolinguistik yang pernah dijalankan oleh para sarjana tentang penukaran kod, terdapat perbezaan pendapat tentang pengertiannya. Malah istilah yang digunakan juga didapati berbagai-bagai, iaitu bergantung kepada sesuatu sudut pandangan teoritis yang digunakan. Rodolfo Jacobson (1995: 388), misalnya telah menyenaraikan istilah penukaran kod (*code-switching*), percampuran kod (*code-mixing*), perubahan kod (*code alternation*) dan perpindahan kod (*code shifting*). Kesemua istilah tersebut adalah berkaitan dengan fenomena linguistik di kalangan penutur yang fasih dalam dua atau lebih banyak bahasa, iaitu amalan mereka yang sering menukar suatu bahasa ke suatu bahasa yang lain dalam ujaran yang sama ketika berinteraksi, khasnya di dalam situasi perhubungan yang tidak rasmi. Dua atau lebih bahasa yang terlibat itu mungkin dalam kumpulan genetik bahasa yang sama atau berlainan.

1.7.1 Definisi penukaran kod

Pada amnya, terdapat dua aliran pemikiran yang berbeza tentang penukaran kod. Pertama ialah golongan ahli sosiolinguistik yang berpendapat bahawa kesemua istilah yang tersenarai di atas itu harus dibezakan; dan yang kedua ialah golongan yang berpendapat bahawa kesemua istilah itu merangkumi perkara yang sama, iaitu penukaran kod. Kachru (1978a) misalnya, telah membezakan istilah penukaran kod dengan percampuran kod. Bagi beliau penukaran kod ialah penggunaan dua atau lebih bahasa secara berselang oleh seseorang penutur berbilang bahasa yang mendukung fungsi-fungsi tertentu mengikut konteks. Bagaimanapun di dalam kajiannya yang lebih terkemudian, Kachru (1983) telah memperluaskan penggunaan istilah percampuran kod untuk merangkumi peminjaman perkataan bagi tujuan menampung kekurangan leksikal sesuatu bahasa.

Pandangan Kachru itu turut dikongsi bersama oleh beberapa orang sarjana yang sealiran dengannya seperti Singh (1983), Sridhar (1978) dan Kamwangamalu (1989). Mereka sependapat bahawa penukaran kod harus dibezakan daripada percampuran kod. Bagi mereka penukaran kod adalah fenomena linguistik yang berlaku pada peringkat antara kalimat (*inter-sentential*), manakala percampuran kod berlaku dalam kalimat yang sama (*intra-sentential*).

Namun terdapat juga sarjana lain yang mempunyai pandangan yang berlainan, umpamanya Scotton dan Poplack. Di dalam kajian mereka, Scotton (1979) dan Poplack (1988) telah menyarankan peluasan penggunaan istilah penukaran kod. Bagi mereka penukaran kod harus merujuk kepada penggunaan dua atau lebih bahasa bukan sahaja di dalam suatu perbualan yang sama, malah di dalam ayat yang sama

juga. Cuma penggunaan dua atau lebih bahasa itu dilakukan secara bersilih ganti. Dalam perkataan lain, penukaran kod di sini meliputi penukaran bahasa sama ada di peringkat dalam ayat yang sama atau antara ayat yang berlainan.

Bertitik tolak daripada dua aliran pemikiran yang berbeza itu, penyelidik berpendirian bahawa adalah lebih berfaedah jika istilah penukaran kod tidak dibezakan daripada percampuran kod. Sebaliknya, apa yang harus dipentingkan ialah perkara-perkara yang mungkin tersurat melalui interaksi bahasa seseorang itu. Pendirian ini selaras dengan pendapat Pakir (1989: 382) bahawa:

“... it may be useful not to emphasize the distinction between the terms but to look at what is involved in the speech interaction.”

Dalam kajian ini penyelidik sepandapat dengan Pakir (1989) untuk tidak membezakan dua istilah tersebut di atas beberapa sebab. Pertama, tujuan kajian ini adalah untuk memberikan suatu huraian yang mendalam tentang penukaran kod. Jika definisi Kachru (1983) diambil kira, maka ia akan membataskan skop kajian. Kedua, contoh-contoh ujaran dwibahasa pada peringkat perkataan, frasa dan klausa juga wajar untuk dikaji sepetimana dengan penukaran kod yang berlaku antara kalimat. Kesemua ini akan diabaikan jika takrifan Kachru itu diikuti. Oleh itu, istilah penukaran kod yang digunakan di dalam kajian ini adalah merujuk kepada penukaran bahasa yang melibatkan penggunaan dua atau lebih bahasa oleh seseorang di dalam ujarannya yang sama.

Selaras dengan pendirian di atas, maka dikemukakan beberapa definisi tentang penukaran kod. Menurut Valdes-Fallis (1978), penukaran kod merujuk kepada penggunaan dua bahasa secara berselang-selang pada peringkat kata, frasa, klausa

atau ayat. Bagi Gumperz (1982), penukaran kod dapat ditakrifkan sebagai penyelitan dua sistem atau subsistem nahu yang berbeza ke dalam suatu ujaran atau wacana yang sama. Manakala itu, Scotton dan Ury (1977: 5), menarikannya sebagai penggunaan dua ragam linguistik atau lebih di dalam perbualan atau interaksi yang sama. Penukaran itu mungkin melibatkan hanya sepatah perkataan atau pertuturan itu berlaku hanya dalam beberapa minit sahaja. Ragam itu mungkin terdiri daripada dua bahasa yang tidak berhubung secara genetik atau daripada dua gaya dalam bahasa yang sama. Sementara itu, Poplack (1988: 238) pula memberikan definisi penukaran kod sebagai penggunaan dua bahasa secara bertukar ganti di dalam sesuatu wacana yang sama atau kalimat yang sama dan mengikut peraturan sistem nahu kedua-dua bahasa yang terlibat.

Daripada beberapa kutipan definisi di atas itu, jelaslah bahawa penukaran kod merujuk kepada penggunaan sekurang-kurangnya dua bahasa yang mungkin tidak berhubung secara genetik di dalam sesuatu ujaran atau wacana yang sama. Penukaran (*switches*) itu boleh berlaku dalam kalimat yang sama atau antara kalimat, asalkan sistem nahu kedua-dua bahasa yang terlibat itu serasi di antara satu sama lain.

1.7.2 Jenis penukaran kod

Terdapat kecenderungan di kalangan ahli sosiolinguistik untuk membahagikan penukaran kod kepada tiga jenis berdasarkan teks wacananya. Umpamanya, Appel dan Muysken (1987: 118) membahagikannya kepada penukaran kod dalam kalimat, antara kalimat dan penukaran kod secara emblematis. Contoh yang dipetik daripada

kajian Jacobson (1995: 402) di bawah memperlihatkan ketiga-tiga jenis penukaran tersebut:

A : *Want to talk about your career? What do you want to be in future?*

Apa yang Hisham nak jadi?

B : *Maybe an engineer.*

A : *Engineer? Sham sekarang dalam kelas apa?*

B : *Four Science Two.*

A : *Jadi, Hisham nak jadi engineerkan? Are you good at your Physics?*

B : *Tak berapa bagus sekarang ini.*

A: *What about Matematik?*

B: *Matematik average. Not very good. Just average.*

A: *Well. If you want to be engineer, you 've to be good at your Matematik and your...*

B: *Fizik.*

A: *How about your Chemistry?*

B: *Chemistry okay. I'm quite good at Chemistry.*

A: *Engineer itu banyak bidang. Civil Engineering, Mechanical Engineering, Computer Engineering and all sorts of engineering. Jadi, Sham nak jadi what type of engineer?*

B: *Mechanical.*

Bagi Appel dan Muysken (1987: 118), penukaran kod dalam kalimat adalah sebagai penukaran yang berlaku di tengah-tengah kalimat. Ia mungkin melibatkan peringkat perkataan atau frasa seperti “*what type of engineer?*” dalam ayat “*Jadi, Sham nak jadi what type of engineer?*”. Penukaran antara kalimat pula merujuk kepada

penukaran di antara ayat-ayat. Manakala itu, penukaran secara emblematis berlaku pada bahagian akhir kalimat. Oleh itu, ia juga dikenali sebagai *tag-switches* kerana melibatkan penggunaan tanda seruan dan kata-kata partikel pada bahagian akhir ayat. Contohnya ialah penggunaan perkataan “kan” seperti di dalam ayat “Jadi, Hisham nak jadi *engineerkan?*”.

1.7.3 Ciri-ciri pertukaran kod

Ciri-ciri pertukaran kod dapat dilihat apabila penutur yang mahir dalam dua atau lebih banyak bahasa menggabungkan kemahiran dwibahasa atau berbilang bahasa dalam pertuturan mereka. Dalam keadaan begini, bahasa ibunda dan bahasa kedua penutur berkongsi tanggungjawab untuk menyampaikan mesej. Akibatnya mesej yang lebih luas dapat disampaikan (Jacobson, 1995).

Menurut Poplack (1988), pertukaran kod boleh berlaku tanpa dirancang. Oleh itu, beliau menganggapnya sebagai suatu fenomena bahasa yang berlaku di luar tingkat kesedaran seseorang sehingga bahasa yang digunakan tidak dapat ditentukan. Contohnya, seorang penutur Iban yang sedang bercakap dalam bahasa ibundanya dengan tiba-tiba menukar bahasa pertuturnya kepada bahasa Inggeris atau bahasa Melayu.

Selain itu, bahasa atau kod yang dicampurkan mestilah mirip walaupun tidak serupa sepenuhnya (Cook, 1991: 65). Hal ini dimungkinkan kerana wujudnya sifat-sifat kesejagatan atau keuniversalan bahasa. Oleh kerana terdapatnya ciri-ciri tertentu dalam semua bahasa, maka beberapa ciri universal akan beroperasi apabila bahasa-bahasa itu dicampurkan. Dalam konteks ini percampuran kod boleh berlaku jika

terdapatnya keserasian nahu bagi kedua-dua bahasa yang terlibat. Cook telah mengemukakan contoh pembentukan perkataan "runeando" dan "flipeando" untuk menjelaskan sama ada percampuran kod perkataan bahasa Inggeris dan Sepanyol itu serasi dari segi sistem nahu kedua-dua bahasa yang terlibat itu. Mengikut Cook penukaran kod dalam perkataan "runeando" tidak mungkin berlaku kerana perkataan *run* merupakan bunyi yang distingtif dalam bahasa Inggeris. Sebaliknya penukaran kod boleh berlaku dalam perkataan "flipeando" kerana *flip* bukan sahaja merupakan perkataan Inggeris, bahkan juga perkataan bahasa Sepanyol. Satu lagi contoh ialah pembentukan frasa “big maison” yang melibatkan perkataan Inggeris *big* dan perkataan Perancis *maison* (Holmes, 2001: 44). Percampuran kod ini dibolehkan kerana kedua-dua bahasa itu mempunyai susunan kata sifat dan kata nama yang sama, seperti di dalam konstruksi frasa “big house” (bahasa Inggeris) dan “grande maison” (bahasa Perancis). Maka, apabila perkataan *big* (bahasa Inggeris) dicampurkan dengan *maison* (bahasa Perancis) untuk menggantikan perkataan *house* (bahasa Inggeris) yang mendukung maksud yang sama, iaitu rumah besar atau rumah mewah, percampuran kod itu boleh diterima kerana tidak menyalahi sistem nahu kedua-dua bahasa tersebut.

Walaupun proses penukaran kod kelihatan berlaku tanpa kesedaran penutur itu sendiri dan tidak dirancang (Poplack, 1988), namun pada masa-masa tertentu penutur mungkin sengaja menukar kod, contohnya dari bahasa Iban kepada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris untuk mencapai tujuan tertentu. Oleh itu, bolehlah dikatakan bahawa fenomena penukaran kod berlaku tidak secara rawak. Sebaliknya, ia menunjukkan bahawa amalan dwibahasa atau berbilang bahasa itu mempunyai makna-makna yang tertentu.

1.8 Bahasa Iban

Rata-rata kajian linguistik sejarah yang dilakukan untuk mengelompokkan bahasa-bahasa di rantau Nusantara menunjukkan bahasa Iban tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia. Dalam penulisannya yang berjudul “A Discussion of Two Austronesia Subgroups: Proto-Malay and Proto-Malayic”, Nothofer (1988) telah meletakkan bahasa Iban dalam subkelompok Malayik bersama dengan bahasa Malayan di atas andaian bahawa terdapatnya sejumlah inovasi bersama antara bahasa Iban dengan bahasa Malayan. Bahasa Iban bagi Nothofer adalah satu bahasa yang sekerabat dengan bahasa Melayu walaupun hubungan kekerabatan itu agak jauh (Rahim Aman, 1996: 1088). Pandangan Nothofer ini turut dikongsi bersama oleh Blust (1986) dalam penulisannya “Iban Antonymy: A Case from Diachrony?”. Blust menjelaskan bahawa perhubungan yang agak jauh itu adalah disebabkan oleh perubahan atau inovasi semantis yang telah dialami oleh bahasa Iban.

Sementara itu, Asmah Omar mempunyai pandangan yang agak berbeza tentang kedudukan bahasa Iban (Rahim Aman, 1996: 1093). Menurut Asmah, bahasa Iban bukan sahaja berada dalam subkelompok yang sama dengan bahasa Melayu, malah mempunyai hubungan yang paling dekat dengan bahasa tersebut. Perhubungan itu dapat dilihat dalam sistem nahu, struktur kata dan ayat, di samping perhubungan morfologi dan leksikal (Asmah, 1981: 5-10). Oleh sebab terdapatnya tingkat kesamaan yang tinggi baik dari segi kosa kata maupun sistem fonologi di antara bahasa Iban dengan bahasa Melayu, maka ada beberapa penulis seperti Cense dan Uhlenbeck (Asmah, 1981: 5) telah meletakkan bahasa Iban sebagai salah satu daripada dialek bahasa Melayu. Bagaimanapun, tingkat kesamaan yang tinggi ini tidak bermakna bahawa bahasa Iban adalah satu dialek daripada bahasa Melayu. Ini

adalah kerana bahasa yang berasal daripada subkelompok yang sama biasanya memperlihatkan persamaan yang lebih banyak jika dibandingkan dengan bahasa daripada subkelompok yang lain.

Bahasa Iban tidak mempunyai sistem tulisannya sendiri. Dipercayai melalui usaha para mubaligh yang datang menyebarkan agama Kristian di kalangan orang Iban, sistem tulisan rumi telah digunakan untuk memudahkan pendakwahan. Dalam sejarah pendidikan negara, bahasa Iban telah mula diajar sebagai bahasa vernakular semenjak tahun 1960-an. Kini bahasa Iban diajar sebagai bahasa ibunda kanak-kanak (*pupil's own language*) di negeri Sarawak sehingga peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR).

1.9 Lokasi Kajian

Kajian ini dijalankan di Maktab Perguruan Rajang, iaitu salah satu daripada empat buah maktab perguruan yang terdapat di negeri Sarawak. Ia terletak kira-kira 16 kilometer dari bandar Bintangor dalam Bahagian Sarikei (lihat Lampiran B). Maktab ini telah ditubuhkan pada tahun 1965 dan mempunyai keluasan 32.3 hektar. Semasa kajian ini dijalankan, maktab ini mengendalikan Kursus Diploma Perguruan Malaysia yang merupakan kursus utama ditawarkan. Namun, kursus lain yang turut dikendalikan ialah Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI), Kursus Dalam Cuti (KDC), Kursus Konversi dan beberapa kursus pendek anjuran setiap jabatan akademik.